

## 1. Boleh ceritakan sedikit latar belakang saudara?

NAMA saya Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil, berusia 33 tahun dan berasal dari Kangar, Perlis. Saya merupakan anak ketiga daripada tiga orang adik-beradik. Sudah berkahwin dan mempunyai dua cahaya mata.

Mengenai karier, habis sekolah rendah, saya ditawarkan ke Sekolah Sukan Bukit Jalil. Dari situ kemahiran saya semakin berkembang dalam sukan hoki.

Selepas itu, saya melanjutkan pelajaran ke Universiti Putra Malaysia dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia. Ketika berumur 19 tahun, saya mewakili Malaysia di Piala Dunia Hoki Remaja 2005. Kini sudah hampir 14 tahun saya bergelar pemain kebangsaan.



AKSI Tengku Ahmad Tajuddin semasa perlawanan menentang China.



TENGKU AHMAD TAJUDDIN membantu Malaysia bergelar naib juara pada Kejohanan Siri Final Hoki Lelaki FIH 2019.

## 4. Kelab yang saudara pernah serta dan apakah anugerah yang pernah dikehendaki?

KELAB pertama saya dalam Pasukan Hoki Kebangsaan ialah Sapura pada tahun 2002 sebelum berhijrah ke Kelab Hoki KL sehingga 2012.

Kemudiannya saya berpeluang berkhidmat dengan kelab hoki luar negara, Hilversum HC pada tahun 2008 semasa berada di Kelab Hoki KL. Pada tahun 2013, saya menarung jersi Terengganu HT selepas mengambil keputusan menyertai Tenaga Nasional Berhad tahun lepas.

Antara anugerah tertinggi yang saya peroleh ialah Pemain Harapan Terbaik Asia 2007 dan Asian All Star 2010. Terbaharu, saya merangkul Pemain Terbaik dan Penjaring Terbanyak pada Kejohanan Hoki Siri Final Lelaki FIH 2019.

## 2. Boleh cerita tentang Kejohanan Hoki Siri Final Lelaki FIH 2019.

SEBENARNYA, kejohanan ini dianjurkan di Malaysia setelah memenangi bidaan untuk menganjurkannya pada tahun lepas seperti diumumkan oleh FIH. Melalui pengajuran ini, pasukan Malaysia berpeluang mengorak langkah melayakkan diri ke Sukan Olimpik Tokyo 2020 nanti.

Dua pasukan teratas daripada setiap kejohanan ini akan dijamin tempat di perlwanan kelayakan untuk ke Tokyo nanti. Secara keseluruhan terdapat 24 buah pasukan lelaki bertanding dalam kejohanan ini. Keputusan kejohanan kali ini, Malaysia berjaya ke pusingan akhir tetapi rezeki tidak memihak kepada kami kerana kalah tipis kepada Kanada iaitu 3-2.

## 3. Apakah cabaran selaku pemain senior dan menjadi tumpuan penonton pada kejohanan kali ini?

SAYA sentiasa menjadi perhatian pihak lawan dan mereka sentiasa mencari peluang menggagalkan usaha yang saya lakukan untuk merobek gawang gol mereka.

Selain itu, sebagai pemain senior saya mempunyai tanggungjawab untuk mengekalkan prestasi yang baik pada setiap perlwanan.

Saya juga harus bersikap toleransi dan disiplin agar menjadi contoh kepada pemain muda.

Biarpun lebih satu dekat bermain bersama skuad kebangsaan, rasa gementar itu masih ada kerana menjadi tumpuan penonton.

Cabarannya ialah bila orang melihat saya, sudah pasti saya berusaha untuk meminimumkan kesalahan dalam setiap perlwanan dan membuat yang terbaik buat pasukan.

# Zidane digeruni lawan

**S**EJAK berusia 12 tahun, Tengku Ahmad Tajuddin Tengku Abdul Jalil mula terlibat dalam sukan hoki.

Ibarat orang mengantuk disarungkan bantal, minatnya semakin berkembang apabila ditawarkan menyambung pelajaran di Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Pada tahun 2005, tuah memihak kepada anak kelahiran Perlis itu apabila membuat penampilan sulungnya di pertingkat kebangsaan dalam Kejohanan Piala Dunia Remaja.

Digelar sebagai *Zidane*, pada tahun 2006, Tengku Ahmad Tajuddin mula menarung jersi kebangsaan hingga ke hari ini.

## LIMA soalan

Baru-baru ini, pemain senior itu menambah koleksi peribadinya apabila dinobatkan pemain terbaik dan Penjaring Terbanyak dalam kemenangan Kejohanan Hoki Siri Final Lelaki Persatuan Hoki Antarabangsa (FIH) 2019.

Ikti temu bual *Genk* bersama Tengku Ahmad Tajuddin selaku penyerang dan pemain tumpuan dalam Kejohanan Hoki Siri Final Lelaki FIH 2019 baru-baru ini.

## 5. Harapan saudara untuk diri sendiri dan pasukan.

SAYA berharap dapat membantu memperkuatkan lagi jentera skuad Malaysia dan paling menjadi impian saya adalah untuk membawa pasukan Malaysia ke Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Sebagai rekod Malaysia kali terakhir berpeluang layak ke Sukan Olimpik adalah pada tahun 2000 dan pencapaian terbaik dalam kejohanan itu ialah tempat ke-9.



IMPIAN pasukan MALAYSIA adalah beraksi pada Sukan Olimpik Tokyo 2020.



TENGKU AHMAD TAJUDDIN (tengah) mewakili pasukan hoki negara sejak berusia 19 tahun.

